

29 JAN 1999

Ghani-Lebuh raya

JANGAN TANGGUH DUA PROJEK LEBUH RAYA DI JOHOR

KLUANG, 29 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri akan mengemukakan permohonan kepada kerajaan pusat agar pembinaan dua lebuh raya yang dijadual dilaksanakan di negeri ini tahun ini tidak ditangguhkan memandangkan kepentingannya kepada orang ramai.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata kerajaan negeri berharap projek Lebuh Raya Segamat-Tangkak-Muar dan Lebuh Raya Kluang-Pasir Gudang dapat diteruskan bagi mengatasi masalah kesesakan.

Katanya, projek Lebuh Raya Segamat-Tangkak-Muar turut merangkumi pembinaan sebuah jambatan iaitu jambatan kedua di Muar.

"Ada dua sebab mengapa projek itu perlu diteruskan. Pertama, orang ramai di Muar sangat memerlukan jambatan kedua kerana yang sedia ada sesak, dan kedua, projek itu mempunyai daya maju komersil," katanya kepada pemberita hari ini.

Beliau berkata mengikut perancangan projek itu akan dilaksanakan pertengahan tahun ini.

Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan penurunan kadar tol lebuh raya Damansara Puchong dan kenaikan yang lebih rendah bagi tol lebuh raya utara-selatan, berkata kerajaan mengambil keputusan menangguhkan pembinaan lebuh raya baru di seluruh negara sehingga rakyat bersedia untuk menggunakan jalan raya berkualiti dengan membayar tol.

Laporan akhbar hari ini pula menyebut penangguhan itu turut membabitkan tiga projek penswastaan lebuh raya utama bernilai kira-kira RM6 bilion iaitu lebuh raya Bertingkat Kuala Lumpur (KLEE), Lebuhraya Koridor Pandan (PCE) dan lebuh raya Segamat-Tangkak-Muar.

Projek lain yang turut terjejas berikutan keputusan Kabinet itu termasuk lebuh raya Lembah Klang Selatan (SKVE), lebuh raya Gemas-Pasir Gudang-Johor Baharu dan lebuh raya Laluan Transit KL.

"Kita berharap sangat kedua-dua projek itu tidak ditangguhkan. Kita akan mengemukakan permohonan itu kepada kerajaan pusat secepat mungkin," kata Abdul Ghani.

-- BERNAMA

MKO NMO